

'Hentikan isu SJKC Kung Yu'

BH - 4/10/2006

Najib tak mahu dakwaan penyelewengan baik pulih bangunan dipanjangkan

Oleh Shamshul Azree Samshir

PUTRAJAYA: Datuk Seri Najib Razak mahu semua pihak supaya tidak memanjangkan isu dakwaan berlaku penyelewengan peruntukan kerja baik pulih Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Kung Yu di Muar, Johor.

"Saya tidak fikir kita harus memanjangkan lagi isu itu," katanya selepas majlis penyerahan kertas pemicang mengandungi lebih 150,000 tandatangan rakyat Malaysia dan pelancong asing sempena sambutan ulang tahun kemerdekaan negara ke-49 anjuran akhbar *The Malay Mail* di pejabatnya di sini, semalam.

Timbalan Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Kiat yang mendakwa kebenaran mengenai kes SJKC Kung Yu sudah terbukti dan beliau membangkitkan isu itu untuk kepentingan negara, bukan individu.

Mengulas projek Pusat Latihan Prestasi Tinggi (HPTC) di Pusat Penyelidikan Tun Razak (TARRC) di Brickendonbury, London, Najib berkata, kerajaan akan mendapatkan maklum balas daripada persatuan sukan mengenai keperluan dan permintaan mereka.

"Kita perlu maklum balas persatuan sukan selain menentukan pelan

fizikal yang perlu untuk membuat pengubahsuaian dan selepas itu, barulah keputusan muktamad dapat dibuat mengenainya," katanya.

Sementara itu, Najib kagum dengan semangat rakyat Malaysia termasuk pelancong asing yang menurunkan lebih 150,000 tandatangan dan menulis mesej pada pemicang anjuran *The Malay Mail*, sempena Hari Kemerdekaan Negara Ke-49 itu.

"Walaupun dalam tempoh dua minggu, ia mendapat sambutan di luar dugaan," katanya.

Pemicang yang bertema Aprisiasi Merdeka itu disampaikan oleh Pengerang yang juga Ketua Pegawai Operasi *The Malay Mail/Weekend Mail*, Mohd Zulkifli Abd Jalil.

Turut hadir, Pengerusi MTrans Group, David Chew dan Pengarah KL Infrastructure Group Bhd, Datuk Ahmad Rejal Arbee serta Timbalan Pengerang *The Malay Mail*, Yushaimi Yahaya serta Saiful Azhar Abdullah.

Najib berkata, beliau difahamkan tahun depan program itu akan diadakan dengan lebih besar dan meluas sempena ulang tahun ke-50 kemerdekaan negara.

Kertas pemicang itu ditempatkan di lima stesen monorel sekitar Kuala Lumpur termasuk satu di kiosk *The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP)* sepanjang tempoh dua minggu mulai 15 Ogos lalu.



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA